

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JUN 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10

'Kelas B40, M40, T20 hapus tahun depan'

'Kelas B40, M40, T20 hapus tahun depan'

KUALA LUMPUR

Perbincangan antara Kementerian Ekonomi dengan Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN) telah bermula mengenai jenis bantuan akan diberikan di bawah pendekatan subsidi bersasar baru.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kerajaan perlu memastikan bahawa semua infrastruktur tersedia selain melakukan ujian perintis sebelum memutuskan jenis tahap pendapatan yang layak diberikan bantuan.

Menurutnya, kerajaan sedang cuba meminimumkan ralat pengecualian subsidi yang berlaku akibat pengkelasan kategori gaji namun ia perlu dilanjutkan secara berperingkat.

"Menerusi peringkat kerajaan sebagai contoh pihak Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN) di mana minggu ini kita sudah mula bincang simulan, siapa yang patut dapat apa, apakah pendekatan akan diberikan, adakah bantuan anak sejagat,

adakah akan diberi penambahan nilai pendapatan dan sebagainya.

"Semua sudah dibincangkan. Saya rasa tahun depan anda akan melihat peralihan daripada subsidi blanket, sebaliknya pengkelasan T20, B40, M40, perlahan-lahan akan dihapuskan.

"Kami akan melancarkan satu demi satu bantuan sosial yang disepakati berdasarkan pendapatan boleh belanja bersih isi rumah," katanya selepas mengadakan lawatan ke tapak Mesin Layan Diri Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di sini pada Rabu.

Pada 19 Mei, Rafizi menyatakan kerajaan akan melaksanakan peralihan dasar sosioekonomi daripada pendekatan berdasarkan pendapatan B40, M40 dan T20 kepada berdasarkan pendapatan



RAFIZI

boleh belanja bersih isi rumah.

Katanya, peralihan tersebut akan dilakukan secara berfasa dan dijangka bermula Januari 2024 berdasarkan Pangkalan Data Utama (Padu).

Menurutnya, perkara tersebut mampu direalisasikan dengan kerjasama pelbagai agensi menerusi perkhongsian dalam Padu, sekali gus memastikan keberkesanan pelaksanaan program subsidi kerajaan.

Sementara itu, beliau berkata, terdapat perancangan memperluaskan inisiatif IPR ke fasiliti perubatan awam dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Rafizi juga menyatakan keyakinan sasaran 5,000 mesin IPR diterima pemohon yang layak akan tercapai menjelang hujung tahun ini.